



Rujukan : KDN.PPF.600-1/4/2 (8)

Tarikh : // Februari 2022

KEPADA YANG BERKENAAN

YBhg. Dato'/ Tuan/ Puan,

GARIS PANDUAN BAGI PENGIKLANAN AKTIVITI KUTIPAN DERMA DI STESEN TV DAN PAWAGAM

Dengan hormatnya saya diarah merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Sepertimana YBhg. Dato'/ tuan/ puan sedia maklum, Kementerian ini melalui Lembaga Penapis Filem (LPF) bertanggungjawab melaksanakan penapisan filem dan bahan publisiti filem untuk siaran, sebaran, tayangan, edaran dan jualan kepada masyarakat umum di Malaysia. Dalam hal ini, LPF turut melaksanakan penapisan ke atas filem iklan yang mempromosikan aktiviti kutipan derma daripada yayasan-yayasan serta badan-badan bukan kerajaan sebelum ditayangkan di stesen TV atau pawagam. Dalam melaksanakan proses penapisan, LPF perlu memastikan pematuhan ke atas beberapa akta dan peraturan berkaitan kutipan derma seperti Akta Pungutan Dari Rumah ke Rumah dan Di Jalan 1947, Undang-Undang Pertubuhan dan lain-lain.

3. Sehubungan itu, bagi memastikan segala perundangan tersebut dipatuhi, pihak YBhg. Dato'/ tuan/ puan perlu mengemukakan dokumen-dokumen berikut di dalam permohonan penapisan filem iklan aktiviti kutipan derma kepada pihak LPF:

a) Yayasan yang ditubuhkan di bawah Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)

- i. Yayasan/ Syarikat yang didaftarkan sebagai Syarikat Berhad Menurut Jaminan di bawah SSM hendaklah mendapatkan **surat kelulusan daripada Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP)** dan surat tersebut hendaklah masih dalam tempoh sah laku iaitu **satu (1) tahun daripada tarikh kelulusan**.

b) Yayasan yang ditubuhkan di bawah Bahagian Hal Ehwal Undang-undang (BHEUU), Jabatan Perdana Menteri (JPM)

- i. Yayasan yang didaftarkan sebagai Pemerbadanan Pemegang Amanah di bawah BHEUU hendaklah mendapatkan kebenaran untuk melakukan aktiviti kutipan derma mengikut syarat-syarat yang tertulis di dalam **Surat Ikatan Amanah (Trust Deed)**.

c) Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia (*The Registry of Societies Malaysia - ROS*)

- i. Pertubuhan yang didaftarkan di bawah ROS hendaklah mengemukakan **Perlembagaan Pertubuhan** yang menyatakan aktiviti kutipan derma adalah sebagai salah satu aktiviti pertubuhan untuk mencari dana bagi pertubuhan tersebut.

d) Polis Diraja Malaysia (PDRM)

- i. Aktiviti kutipan derma daripada orang ramai perlu mendapat permit sah daripada PDRM, berdasarkan kepada peruntukan Akta Pungutan Dari Rumah ke Rumah dan Di Jalan 1947.
- ii. Sebarang aktiviti kutipan derma yang berkaitan dengan agama Islam hendaklah mendapatkan **kebenaran secara bertulis** melalui Jabatan Agama Islam Negeri bagi negeri-negeri yang berkaitan.

4. Semua perkara yang dinyatakan di perenggan 3 perlu dipatuhi sebelum pengiklanan aktiviti kutipan derma dilaksanakan bagi memastikan ia tidak disalahguna atau diseleweng oleh pihak yang tidak bertanggungjawab.


5. Oleh yang demikian, pihak YBhg. Dato'/ tuan/ puan hendaklah memastikan segala dokumen tersebut lengkap dan teratur sebelum mengemukakan permohonan penapisan filem iklan aktiviti kutipan derma kepada pihak LPF. Kerjasama dan perhatian pihak YBhg. Dato'/ tuan/ puan amatlah kami hargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

“WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,


(YUSNIZA BINTI YUSUF)
Setiausaha Bahagian
Pejabat Penapisan Filem
b.p. Ketua Setiausaha
Kementerian Dalam Negeri